

Pukat mata 300 jejas hasil nelayan

BH 7/1/2023 MS:19

Hidupan laut sekitar Tanjung Dawai mungkin pupus jika kerajaan tidak bertindak

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Pendapatan lebih 1,000 nelayan pantai di Tanjung Dawai di sini terjejas selepas hasil tangkapan mereka semakin berkurangan, sejak enam bulan lalu.

Kebanyakan nelayan yang turun ke laut akan pulang dengan 'tangan kosong' selepas ikan di perairan berdekatan dikatakan semakin pupus akibat penggunaan pukat mata 300 atau jaring halus yang tidak dikawal.

Nelayan yang juga pemilik bot, Md Rozi Md Nor, 52, berkata dia terpaksa mengisi petrol sehingga RM400 demi mencari ikan sehingga sempadan Pulau Pinang dan Langkawi namun hasil tangkapan sangat menghampakan.

"Jika angin kencang, kami terpaksa patah balik ke jeti. Namun jika cuaca mengizinkan, kami

akan berusaha mencari ikan sehingga ke sempadan perairan Pulau Pinang dan Langkawi, tetapi hasil tangkapan sangat sedikit.

"Bot yang menggunakan pukat mata 300 menyebabkan ikan kecil turut dikaut dan bot ini selalunya beroperasi pada waktu malam.

"Jika tiada penguatkuasaan yang ketat oleh pihak berkuasa, tidak mustahil ikan di perairan kami akan pupus dan penduduk akan hilang mata pencarian.

"Kelmarin, langsung tiada tangkapan. Semalam, hanya 20 kilogram dan selepas dijual kepada peraih, saya akan dapat antara RM100 hingga RM120 sehari, tak balik modal sebab petrol untuk bot sahaja sudah RM400.

"Saya perlu bayar upah kepada empat awak-awak. Kalau langsung tiada tangkapan, tiada upah untuk mereka.

"Kalau ada ikan sedikit seperti hari ini, saya beri mereka RM10 seorang," katanya yang sudah 30 tahun menjadi nelayan.

Pernah ditahan pihak berkuasa

Md Rozi berkata, dia bersama awak-awak dan beberapa bot lain pernah mencari ikan sehingga sempadan perairan Pulau Pangkor, Perak namun ditahan pihak berkuasa di sempadan perairan kerana tidak mempunyai lesen.



Hasil lebih 1,000 nelayan di Tanjung Dawai semakin berkurangan akibat penggunaan pukat jaring halus yang tidak dikawal.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Katanya, permohonan lesen kepada Jabatan Perikanan sudah dibuat sejak tiga tahun lalu namun belum diluluskan.

"Saya harap pihak Jabatan Perikanan dapat luluskan lesen kami dengan segera. Ramai lagi pemilik bot belum mendapat lesen walaupun permohonan sudah dibuat," katanya.

Nelayan, Nor Naim Mohd Noor, 37, berkata dia tidak mempunyai sebarang pendapatan sejak dua minggu lalu selepas tiada ikan

yang didaratkan.

"Pendapatan kami paling teruk terjejas pada tahun lalu kerana ikan berkurangan, selain keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

"Dahulu pada 2020 saya pernah dapat RM300 sehari kerana pernah mendaratkan ikan sehingga bertan sehari. Sekarang hendak dapat sekilogram ikan pun susah.

"Hidup kami sekarang ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', tidak semua

antara kami menerima elaun sara hidup nelayan, kerana kerajaan hadkan hanya dua nelayan atau awak-awak akan mendapat elaun berkenaan bagi sebuah bot A, sedangkan yang bekerja dalam bot seramai empat atau lima orang," katanya yang mempunyai dua anak yang masih kecil.

Nor Naim berharap kerajaan dapat menilai kembali prosedur pemberian elaun sara hidup nelayan kerana masih ramai tidak menerima elaun berkenaan.